



Received: 2021-06-08

Accepted: 2021-07-08

Published: 2021-08-31

Original Article

## **PENGLIBATAN NEGARA-NEGARA ISLAM DALAM MISIPENGAMAN ANTARABANGSA**

### ***ISLAMIC COUNTRIES PARTICIPATION IN INTERNATIONAL PEACEKEEPING MISSION***

**Muhammad Afifi Abdul Razak<sup>a\*</sup>, Kamarul Azman Khamis<sup>a</sup>, Rusdi Omar<sup>a</sup> & Mashitah Mohd Udin<sup>a</sup>**

<sup>a</sup> UUM-ITS, Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

\* Corresponding author, email; [afyfyrazack@gmail.com](mailto:afyfyrazack@gmail.com)

#### **ABSTRACT**

International peacekeeping mission is an important mechanism in the aspect of contemporary international conflict management. Since its first implementation by United Nations (UN) wayback in 1948, it attracted interest and participation from many countries in the organization. This includes the Islamic countries. Since the end of the Cold War era in the late 1980s, Islamic countries emerged as among the leading participant and troop contributor to international peacekeeping mission especially the mission organized by the UN. Half of the top-ten troop contributors to the current UN mission today are the Islamic countries such as Bangladesh, Pakistan, Egypt, Indonesia and Ghana. Even though Islamic countries had been contributing actively in numerous UN missions, nothing much were known about it. This article discussed in brief about the scenario of Islamic countries participation in international peacekeeping mission by referring to the mission organized by the UN and non-UN organizations since its early years to the present time. The approach use in this article are historical analysis and content analysis. This article concluded that, firstly, this scenario served as an evidence of Islamic countries un-ending support to the UN as a world governing body; secondly, national interest and not religious interest seems to be the primary driving factor of Islamic countries participation in peacekeeping; and finally, while Islamic countries continued its active participation in this areas of contribution, it nevertheless had to familiarize itself with the impacts and challenges that it currently faced which maybe will limited its noble effort to continue its support to international peacekeeping mission in the near future.

**Keywords:** Islamic countries; peacekeeping mission; United Nations (UN); Organization of Islamic Conference (OIC); Islam; national interest

#### **Pengenalan**

Sejak tamatnya era Perang Dingin, wujud satu budaya politik baru di kalangan negara-negara Islam iaitu keinginan untuk menyumbang terhadap keamanan dunia sejagat. Hal ini dibuktikan menerusi penglibatan aktif mereka dalam pelbagai aktiviti anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), sebagai contoh, misi pengaman antarabangsa

(peacekeeping). Negara-negara Islam ini bukan sahaja menyokong idea dan pelaksanaan misi pengaman tersebut, malah turut menyertai dan menyumbang sejumlah besar anggota pengaman dalam pasukan pengaman PBB.

Fakta terkini yang diperolehi daripada laman web United Nations Department of Peacekeeping Operations menunjukkan bahawa setakat 31 Januari 2021, sebanyak 35 buah negara-negara Islam sedang menyertai 12 misi pengaman antarabangsa anjuran PBB di seluruh dunia pada ketika ini (UN DPKO, 2021).<sup>1</sup> Ia membabitkan penugasan seramai 34,859 orang anggota pengaman dari kalangan negara-negara Islam. Apa yang paling menarik di sini ialah separuh daripada 20 buah negara penyumbang utama anggota pengaman dalam semua misi pengaman PBB tersebut datangnya dari kalangan negara-negara Islam, antaranya ialah Bangladesh, Pakistan, Mesir, Indonesia, Senegal, Chad, Maghribi, Togo, Burkina Faso dan Cameroon (Ibid.).<sup>2</sup> Selain daripada itu, negara-negara Islam turut menyertai beberapa misi pengaman antarabangsa anjuran badan bukan PBB di tempat-tempat yang lain. Walaupun negara-negara Islam telah banyak menyertai dan menyumbang bakti dalam pelbagai misi pengaman antarabangsa di seluruh dunia, setakat ini, tidak banyak yang diketahui umum mengenainya. Sebaliknya, negara-negara Islam seringkali diberi gambaran negatif khasnya mengenai komitmen mereka dalam menyokong usaha masyarakat untuk memelihara keamanan dan keselamatan dunia sejabat.

Kertas kerja ini akan membincangkan secara umum mengenai senario penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman antarabangsa sejak dahulu hingga sekarang. Perbincangan dalam kertas kerja ini akan meliputi beberapa aspek penting seperti berikut – konsep misi pengaman antarabangsa; latarbelakang penglibatan negara-negara Islam; faktor, impak dan cabaran penglibatan tersebut terhadap negara-negara Islam. Pendekatan yang digunakan dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada pendekatan Analisis Sejarah (Historical Analysis) dan Analisis Kandungan (Content Analysis), iaitu menganalisis bahan-bahan sejarah, arkib dan maklumat bertulis yang berkaitan dengan misi pengaman antarabangsa yang kebanyakannya diperolehi daripada laman web *United Nations Department of Peacekeeping Operations* (UN DPKO - <https://peacekeeping.un.org/en>), *Stockholm International Peace Research Institute* (SIPRI - <https://sipri.org>) dan *International Peace Institute* (IPI - <https://www.ipinst.org>).

### **Konsep Misi Pengaman Antarabangsa**

Secara umumnya, konsep 'misi pengaman antarabangsa' (peacekeeping) merujuk kepada satu bentuk misi atau operasi antarabangsa yang membabitkan penugasan satu pasukan pengaman dari pelbagai negara oleh sebuah pertubuhan antarabangsa ke negara atau kawasan yang berkonflik bertujuan untuk menamatkan konflik dan seterusnya memulihkan keamanan di negara atau kawasan tersebut (O'Neill & Rees, 2005: 7).<sup>3</sup>

Apabila PBB ditubuhkan pada tahun 1945, misi pengaman telah dijadikan sebagai salah satu daripada aktiviti penting dan alat diplomasi badan dunia tersebut untuk mengurus pelbagai konflik serantau dan antarabangsa yang wujud selepas tamatnya era Perang Dunia Kedua (Schmidl 1999: 9-10; James 1999: 154-160; Richmond 1998).<sup>4</sup> Mantan Setiausaha

---

<sup>1</sup> United Nations Department of Peacekeeping Operations, 2021.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> O'Neill, J.T. & Rees, N. (2005). *United Nations Peacekeeping in the Post-Cold War Era*. London/New York: Routledge, ms. 7.

<sup>4</sup> Schmidl, E.R. (2000). 'The evolution of peace operations from the nineteenth century', in Erwin R. Schmidl (ed.), *Peace Operations between War and Peace*. London/Portland, OR: Frank Cass, ms. 9-

Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali, dalam satu penulisan yang bertajuk 'An Agenda for Peace' telah mendefinisikan konsep misi pengaman sebagai:

“the deployment of a United Nations presence in the field, with the consent of all the parties concerned, normally involving United Nations military and/or police personnel and frequently civilians as well. Peacekeeping is a technique that expands the possibilities for both the prevention of conflict and the making of peace.”<sup>5</sup>

Definisi tersebut bukan sahaja memberi kita kefahaman mengenai maksud sebenar konsep misi pengaman PBB malah ia juga turut menjelaskan empat peranan penting yang turut dimainkan oleh badan dunia tersebut untuk menepati statusnya sebagai sebuah badan pengaman dunia, pertama, diplomasi cegah rintang (preventive diplomacy) – iaitu usaha untuk menghalang konflik daripada merebak samada dalam keadaan ganas (violent) ataupun bukan ganas (non-violent); kedua, proses keamanan (peacemaking) – iaitu usaha untuk membawa pihak yang berkonflik untuk berdamai menerusi cara aman (peaceful means) berdasarkan kepada Artikel VI dalam Piagam PBB; ketiga, misi pengaman (peacekeeping mission) – iaitu penugasan satu pasukan pengaman PBB di negara yang sedang berkonflik, dengan kebenaran pihak yang berkonflik, bertujuan untuk menghentikan konflik dan mengekalkan keamanan di negara tersebut; dan keempat, proses pembinaan keamanan (peacebuilding) – iaitu usaha untuk membina keamanan pasca konflik bertujuan untuk memastikan bahawa konflik tersebut tidak wujud kembali dan mengenalpasti serta menyokong sebarang bentuk usaha yang boleh mengukuhkan keamanan yang telah dicapai tersebut (O'Neill & Rees, 2005: 6).<sup>6</sup> Dalam konteks yang lebih luas, sebagaimana pada hari ini, konsep misi pengaman antarabangsa meliputi misi pengaman yang dilaksanakan oleh PBB, badan bukan PBB dan misi pengaman yang bersifat 'ad hoc mission' yang dilaksanakan oleh negara peneraju (lead state).

Jadual 1: Fakta terkini misi pengaman antarabangsa di bawah kelolaan PBB (sehingga 31 Januari 2021)

Misi Pengaman 1948 = 71	:	Jumlah misi pengaman sejak
sedang	:	Jumlah misi pengaman yang berjalan = 12
Anggota Pengaman	:	Jumlah negara penyumbang

---

10; Schmidl, E.R. (1999). 'The international operation in Albania, 1913-1914', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 3, Autumn, pp. 1-10; James, A. (1999). 'The peacekeeping role of the League of Nations', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 1, pp. 154-160;

<sup>5</sup> Boutros-Ghali, B. (1992). 'An agenda for peace: Preventive diplomacy, peacemaking and peacekeeping'. *International relations*, Vol. 11, No. 3, pp. 201-218.

<sup>6</sup> O'Neill, J.T. & Rees, N. (2005). *United Nations Peacekeeping in the Post-Cold War Era*. London/New York: Routledge, ms. 6.

anggota	:	pengaman = 121
= 85,782	:	Jumlah anggota pengaman
		Pakar dalam misi = 1,034
		Anggota polis = 6,966
		Pegawai staf = 1,896
		Trup tentera = 64,680
		Pegawai awam = 9,987
		Sukarelawan PBB = 1,219
Kematian Anggota Pengaman	:	Jumlah kematian anggota
pengaman		sejak 1948 = 4,053
	:	Jumlah kematian anggota
pengaman		dalam misi terkini = 1,409
Dana Kewangan	:	Jumlah peruntukan dana
kewangan		yang diluluskan bagi
		tempoh antara
		1 Julai 2020 hingga 30 Jun
		2021
		= lebih kurang USD6.58
bilion		

Sumber: United nations Department of Peacekeeping Operations, 2021.  
(<https://peacekeeping.un.org/en/data>)

Sejarah misi pengaman antarabangsa telah bermula sejak sebelum penubuhan PBB. Sejarah politik antarabangsa telah membuktikan bagaimana konsep misi pengaman telah lama digunakan sebagai alat 'operasi bantuan keamanan' (peace support operations) oleh negara-negara kuasa besar di Eropah pada awal abad ke-19 Masihi bertujuan untuk mengurus pelbagai isu dan konflik yang wujud di rantau tersebut pada ketika itu (Schmidl, 2000: 7).<sup>7</sup> Antaranya ialah sebagai alat pengurusan keselamatan bagi jalan-jalan air di Eropah; misi bantuan kemanusiaan transnasional di Albania antara tahun 1913 hingga 1916; penugasan pasukan pengaman pelbagai negara sebelum era Perang Dunia Pertama untuk mengurus impak kejatuhan Empayar Uthmaniah; penugasan pasukan pengaman pelbagai negara untuk mengekalkan keamanan, menyelia proses pilihanraya, menyelia proses pemindahan wilayah dan menyelia proses damai di Schleswig-Holstein (1920) dan Greece (1947-1951); serta mengurus legasi kolonial Eropah dan proses kemerdekaan di Palestin, Lubnan, Cyprus, Kashmir, Indonesia, Namibia, Angola dan Timor Timor (Schmidl 1999: 1-10; Di Marco 2001; James 1999: 154-160).<sup>8</sup>

<sup>7</sup> Schmidl, E.R. (2000). 'The evolution of peace operations from the nineteenth century', in Erwin R. Schmidl (ed.), *Peace Operations between War and Peace*. London/Portland, OR: Frank Cass, ms. 7.

<sup>8</sup> Schmidl, E.R. (1999). 'The international operation in Albania, 1913-1914', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 3, Autumn, pp. 1-10; Di Marco, M. (2001). 'Il salvataggio dell'esercito

Selepas penubuhan PBB pada tahun 1945, inisiatif misi pengaman telah diambilalih oleh badan dunia tersebut sebagai sebahagian daripada agenda politiknya. Misi pengaman PBB yang pertama, United Nations Truce Supervision Organization (UNTSO), telah dilaksanakan pada tahun 1948 di Palestin, Timur Tengah. Ia merupakan satu respon daripada masyarakat antarabangsa terhadap ketegangan yang berlaku di rantau tersebut khususnya membabitkan Israel dan negara-negara Arab (Goulding 1993: 451-454; Theobald 2015).<sup>9</sup> Sepanjang tempoh antara tahun 1948 hingga 2021, sebanyak 71 misi pengaman yang seumpamanya telah dilaksanakan oleh PBB di seluruh dunia. Hari ini, setakat 31 Januari 2021, sebanyak 12 misi pengaman PBB sedang berjalan di beberapa buah negara seperti Timur Tengah, sempadan India-Pakistan, Cyprus, Lubnan, Saharat Barat, Kosovo, Liberia, Ivory Coast, Haiti, Sudan, Republik Demokratik Congo, Mali dan Republik Afrika Tengah. Ia membabitkan penugasan seramai 85,782 orang anggota pengaman dari pelbagai termasuk dari kalangan negara-negara Islam (UN DPKO, 2021). Jadual 1 di atas menerangkan mengenai fakta terkini misi pengaman antarabangsa di bawah kelolaan PBB.

### **Penglibatan Negara-negara Islam**

Istilah 'negara-negara Islam' dalam kertaskerja ini merujuk kepada negara yang menjadi anggota dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Pertubuhan ini telah ditubuhkan pada tahun 1969 dan beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi. Hari ini, sebanyak 57 buah negara anggota PBB telah menjadi negara anggota dalam OIC (OIC 2021).<sup>10</sup> Walaupun dunia Islam seringkali berbeza pendapat dengan dunia Barat mengenai pelbagai isu serantau dan antarabangsa, ia bukanlah sesuatu yang bersifat mutlak. Hal ini boleh dilihat dari segi kesediaan mereka untuk menyumbang terhadap keamanan dunia sejagat menerusi penglibatan dalam misi pengaman PBB. Hari ini, banyak negara-negara Islam telah menyertai dan menyumbang ramai anggota pengaman mereka dalam misi pengaman PBB di seluruh dunia.

Sejarah awal penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman antarabangsa ini bermula pada tahun 1950an lagi. Indonesia dan Afghanistan ialah antara negara-negara Islam yang pertama menyertai misi pengaman anjuran PBB iaitu *The First United Nations Emergency Force* (UNEF I) dan *United Nations Observation Group in Lebanon* (UNOGIL). Pun begitu, penglibatan terbesar negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB berlaku pada tahun 1960 apabila 13 buah negara-negara Islam iaitu Guinea, Indonesia, Iran, Malaya, Mali, Maghribi, Nigeria, Pakistan, Sierra Leone, Sudan, Tunisia, Emiriyah Arab Bersatu dan Mesir telah menyertai dan menghantar anggota pengaman mereka ke misi pengaman PBB di Congo, *United Nations Operation in the Congo* (ONUC), di Afrika. Dalam misi pengaman tersebut, Nigeria telah dilantik sebagai *force commander* pasukan pengaman PBB (UN DPKO, 2021).<sup>11</sup>

---

serbo-montenegrino nella Grande Guerra: l'impegno logistico della Marina Militare e delle Capitanerie di Porto (inverno 1915/16)', Unpublished dissertation, Laurea in History, University of Pisa; James, A. (1999). 'The peacekeeping role of the League of Nations', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 1, pp. 154-160.

<sup>9</sup> Goulding, M. (1993). 'The evolution of United Nations peacekeeping', *International Affairs*, Vol. 69, No. 3, pp. 451-464; Theobald, A.G. (2015). *The United Nations Truce Supervision Organization (UNTSO)*. In *The Oxford Handbook of United Nations Peacekeeping Operations*

<sup>10</sup> OIC (2021). *Organization of Islamic Cooperation*. <https://www.oic-oci.org/states/?lan=en>

<sup>11</sup> UN DPKO (2021). *United Nations Peacekeeping*. United Nations Department of Peacekeeping Operations.

Sepanjang era Perang Dingin, negara-negara Islam juga turut menyertai beberapa misi pengaman yang lain seperti *United Nations Security Force in West New Guinea* (UNSF), *United Nations Yemen Observation Mission* (UNYOM), *Mission of the Representative of the Secretary-General in the Dominican Republic* (DOMREP), *United Nations India-Pakistan Observation Mission* (UNIPOM), *Second United Nations Emergency Force* (UNEF II) dan *United Nations Good Offices Mission in Afghanistan and Pakistan* (UNGOMAP) (Ibid.).<sup>12</sup> Tetapi jumlah negara-negara Islam yang menyertai misi pengaman PBB dalam era Perang Dingin ini tidak banyak kerana kebanyakan daripada negara-negara Islam tersebut baru mencapai kemerdekaan dan sedang berusaha untuk menstabilkan keadaan politik dan ekonomi dalam negara masing-masing di samping cuba membina imej positif mereka di peringkat serantau dan antarabangsa. Justeru itu, penglibatan kebanyakan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB sepanjang tempoh era Perang Dingin ini boleh disifatkan sebagai satu usaha untuk menunjukkan sokongan mereka kepada PBB khususnya dalam aspek keamanan dunia sejagat. Sementara itu, hanya negara-negara Islam yang mempunyai kemampuan sahaja seperti Indonesia, Nigeria, Pakistan, Arab Saudi dan Mesir sahaja yang aktif menyertai misi pengaman PBB sepanjang tempoh tersebut.

Sejak tamatnya era Perang Dingin pada akhir tahun 1980an, banyak negara-negara Islam telah menyertai misi pengaman PBB di seluruh dunia. Beberapa buah negara-negara Islam yang besar dan kecil telah mula mengorak langkah dengan mengubah dasar luar mereka supaya selari dengan aspirasi masyarakat antarabangsa serta PBB. Negara-negara Islam ini secara dasarnya menyokong penuh usaha dan peranan PBB dalam memelihara keamanan dan keselamatan dunia sejagat selaras dengan Artikel 1 Piagam PBB. Justeru itu, mereka juga turut menyokong usaha dan pelaksanaan misi pengaman oleh PBB di negara-negara yang sedang berkonflik di seluruh dunia. Negara-negara Islam ini juga turut menyertai misi pengaman tersebut dan menyumbang ramai anggota pengaman dalam pasukan pengaman PBB. Selain daripada sumbangan dalam bentuk anggota pengaman, negara-negara Islam yang berkemampuan seperti Arab Saudi, Turki, Brunei dan Malaysia juga turut menyumbang dari segi dana kewangan, pengangkutan, persenjataan dan peralatan ketenteraan bagi melancarkan pelaksanaan misi pengaman PBB.

Ringkasnya, bentuk penglibatan dan sumbangan negara-negara Islam terdiri daripada aspek-aspek berikut - misi pengaman PBB, misi pengaman bukan PBB, misi pengaman serantau, sebagai negara peneraju, sebagai negara penerima misi pengaman, menyumbang staf kepada PBB, menyumbang sumber kewangan, menyumbang peralatan ketenteraan, pengangkutan dan lain-lain, dan akhir sekali, mengadakan latihan dan kerjasama berkaitan dengan misi pengaman dengan negara-negara anggota PBB yang lain. Jadual 2 di bawah menunjukkan 10 buah negara peserta dan penyumbang terbesar dari kalangan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB pada ketika ini.

Jadual 2: Senarai 10 buah negara penyumbang terbesar anggota pengaman dari kalangan negara-negara Islam (setakat 31 Januari 2021).

	Negara	Jumlah misi pengaman	Jumlah anggota pengaman	Kedudukan ranking dunia
1	Bangladesh	8	6,711	1
2	Pakistan	9	4,761	6

<sup>12</sup> Ibid.

3	Mesir	7	3,154	7
4	Indonesia	8	2,825	8
5	Senegal	5	2,237	11
6	Chad	2	1,843	12
7	Maghribi	3	1,710	14
8	Togo	6	1,458	15
9	Burkina Faso	4	1,457	16
10	Cameroon	4	1,102	19

Sumber: United Nations Department of Peacekeeping Operations, 2021.

([https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/03\\_country\\_an\\_mission\\_34\\_jan2021.pdf](https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/03_country_an_mission_34_jan2021.pdf))

### Faktor, Impak dan Cabaran

Misi pengaman PBB ialah satu aktiviti antarabangsa yang sangat berisiko tinggi. Justeru itu hanya negara-negara yang benar-benar berkemampuan sahaja yang sanggup untuk menyertainya untuk satu tempoh yang tertentu. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, negara-negara Islam telahpun menyertai misi pengaman PBB ini sejak tahun 1950an dan sehingga ke hari ini sumbangan mereka masih berterusan. Apakah faktor, implikasi dan cabaran penglibatan ini terhadap negara-negara Islam?

Secara umumnya, penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB ini dipengaruhi oleh persepsi mereka terhadap PBB. Kebanyakan negara-negara Islam yang mencapai kemerdekaan selepas tamatnya era Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 telah menjadi negara anggota PBB. Status ini secara tidak langsung menuntut mereka untuk menyatakan sokongan dan komitmen mereka yang jelas terhadap usaha PBB sebagai sebuah badan pengaman dunia. Justeru itu, negara-negara Islam secara umumnya menyokong penuh fungsi dan peranan PBB dalam hal ini (Abdelkader, Adiong & Mauriello 2016).<sup>13</sup>

Negara-negara Islam juga menyedari bahawa kedudukan mereka di PBB tidak begitu kukuh dari segi politik (Fuller & Lesser 1995).<sup>14</sup> Ini kerana, sejak penubuhan PBB pada tahun 1945, tidak ada satu pun negara-negara Islam yang mempunyai kuasa veto di PBB. Sekaligus senario ini menunjukkan bahawa negara-negara Islam mesti mencari 'negara kuasa besar dunia' yang berpengaruh yang boleh menjadi 'penaung' mereka di PBB. Tanpa 'negara penaung' di PBB, nasib negara-negara Islam akan terumbang ambing di pentas antarabangsa (Ibid.).<sup>15</sup>

Kedua-dua faktor ini, persepsi terhadap PBB dan kedudukan di PBB, telah mempengaruhi pembentukan dasar luar negara-negara Islam termasuk dalam aspek berkaitan dengan penglibatan mereka dalam misi pengaman PBB. Jelas sekali bahawa aspek kepentingan nasional (national interest) menjadi teras utama dalam pembentukan dasar luar negara-negara Islam terhadap misi pengaman PBB. Aspek kepentingan nasional

<sup>13</sup> Abdulkader, D., Adiong, N. & Mauriello, R. (Eds.) (2016). *Islam and International Relations: Contribution to Theory and Practice*. Springer.

<sup>14</sup> Fuller, F. E. & Lesser, I. O. (1995). *A Sense of Siege" The Geopolitics of Islam and the West*. Boulder: Westview Press/A RAND Study.

<sup>15</sup> Ibid.

ini menjadi garis panduan bagi negara-negara Islam dalam misi pengaman. Jelasnya, sebarang keputusan samada untuk menyertai atau tidak misi pengaman PBB, ataupun banyak mana sumbangan atau apakah peranan yang akan dimainkan dalam misi pengaman PBB bergantung sepenuhnya kepada aspek kepentingan nasional. Manakala aspek-aspek lain seperti aspek agama (Islam) biasanya akan menjadi aspek kedua dalam hal ini. Pun begitu, sejak akhir-akhir ini, terdapat negara-negara Islam yang semakin berani menggabungkan aspek kepentingan nasional dan agama dalam penglibatan mereka dalam misi pengaman PBB (Simbar 2008; Far 1997).<sup>16</sup>

Penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB ini telah memberikan beberapa implikasi terhadap negara-negara Islam. Secara positifnya, penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB menjadi bukti komitmen tinggi mereka terhadap usaha dan peranan PBB dalam memelihara keamanan dan keselamatan dunia sejangat. Ia bukan sahaja memberikan peluang bagi negara-negara Islam untuk menyumbang terhadap keamanan dunia sejangat, tetapi juga turut membantu dalam proses pembentukan imej positif negara-negara Islam serta dunia Islam secara amnya di mata dunia (al-Ahsan 2004; Syarqieh 2012; Lia ).<sup>17</sup> Sebelum ini, negara-negara Islam seringkali dikaitkan dengan imej negatif termasuk pro-konflik dan penyokong terrorisme. Justeru itu, penglibatan dalam misi pengaman PBB boleh memberikan satu imej baru kepada negara-negara Islam menjadikan mereka sebagai antara negara dan warga dunia yang dihormati.

Manakala secara negatifnya pula, penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB secara perlahan-lahan telah menjadi mereka sebagai sebuah 'negara militari' dan sangat pro-Barat. Sejarah telah membuktikan bagaimana negara-negara Islam seperti Nigeria, Iraq, Iran, Libya, Mesir dan Arab Saudi telah menjadi sebuah 'negara militari' sejak awal tahun 1970an lagi. Keadaan berlaku kerana dalam usaha untuk membina dan mengukuhkan aspek pertahanan di negara masing-masing, negara-negara Islam sejak daripada awal lagi sangat bergantung kepada bantuan ketenteraan daripada negara-negara Barat. Sebagai contoh, lihatlah bagaimana bantuan kewangan dan ketenteraan Amerika Syarikat sejak tahun 1970an telah berjaya membentuk Iraq yang dipimpin oleh Saddam Hussein menjadi antara empat buah negara yang mempunyai angkatan tentera paling kuat di dunia menjelang tamatnya Perang Iran-Iraq.

Mesir ialah antara negara Islam yang banyak menerima bantuan kewangan dan ketenteraan daripada Amerika Syarikat dan beberapa buah negara Barat yang lain termasuk Russia. Kini, peranan Mesir di Timur Tengah sebagai 'wakil Amerika Syarikat' dilihat semakin merosot. Sebaliknya, Arab Saudi pula kini dilihat telah cuba mengambilalih peranan Mesir sebagai kuasa tentera baru di Timur Tengah. Penglibatan Arab Saudi dalam menerajui misi ketenteraan di Yemen, sebagai contoh, membuktikan bahawa penglibatan negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB secara tidak langsung boleh membentuk negara-negara Islam tertentu menjadi sebuah 'negara militari' dan ini sebenarnya adalah sesuatu yang tidak baik untuk jangkamasa panjang bagi negara-negara Islam. Pembentukan 'negara militari' di kalangan negara-negara Islam boleh mencetuskan keadaan ketidakstabilan dalam dunia Islam.

Secara umumnya, negara-negara Islam mempunyai pandangan yang positif terhadap misi pengaman PBB. Justeru itu, banyak dari kalangan mereka ini masih lagi mengekalkan

---

<sup>16</sup> Simbar, R. (2008). The changing role of Islam in international relations. *Journal of International and Area Studies*, 55-68; Far, Marziy-E Mousawi. 1997. 'The Principle of Nafye Sabil and Membership in International Organisations'. *Journal of Foreign Policy*, Winter Tehran

<sup>17</sup> Al-Ahsan, A. (2004). Conflict among Muslim nations: role of the OIC in conflict resolution. *Intellectual Discourse*, 12(2); Sharqieh, I. (2012). Can the Organization of Islamic Cooperation (OIC) resolve conflicts?. *Peace and Conflict Studies*, 19(2), 219-236



sokongan terhadap misi pengaman PBB. Pun begitu, dalam usaha negara-negara Islam ini untuk terus aktif menyumbang dalam misi pengaman tersebut, ia terpaksa menghadapi beberapa cabaran penting, antaranya ialah seperti berikut – pandangan dunia terhadap dunia Islam; keadaan ketidakstabilan politik dan ekonomi dalam negara; kekangan kewangan; kekangan kuasa ketenteraan; dan, konflik antara kepentingan nasional, kepentingan PBB dan kepentingan global (Syarqieh 2012).<sup>18</sup>

## Kesimpulan

Secara umumnya, misi pengaman PBB ialah satu mekanisma penting dalam konteks pengurusan konflik antarabangsa. Walaupun negara-negara Islam seringkali berbeza pendapat dengan negara-negara Barat, ia bukanlah satu penghalang baginya untuk turut sama menyumbang terhadap keamanan dunia sejagat. Ini telah dibuktikan menerusi penglibatan dalam pelbagai misi pengaman PBB dan bukan PBB di seluruh dunia sejak tahun 1950an lagi. Pun begitu, usaha negara-negara Islam untuk terus menyumbang bakti dalam misi pengaman PBB ini bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak cabaran yang mesti dihadapinya seperti kekangan kewangan, kekangan ketenteraan dan pengaruh politiknya yang tidak begitu kukuh di PBB.

Penglibatan aktif negara-negara Islam dalam aktiviti PBB termasuk misi pengaman ini bukanlah bermakna ia sudah melupakan aspirasi utamanya iaitu penyatuan ummah dan dunia Islam. Kedudukan politiknya di PBB menyebabkan banyak negara-negara Islam terpaksa menggabungkan aspirasi ini dengan matlamat kepentingan nasional negara masing-masing dalam usaha untuk memastikan aspirasi tersebut tercapai. Apa yang pasti ialah penglibatan aktif negara-negara Islam dalam misi pengaman PBB ini telah menjadi bukti komitmen tingginya terhadap usaha dan peranan badan dunia tersebut dalam memelihara keamanan dan keselamatan dunia sejagat. Ia secara tidak langsung boleh menghakis imej buruk yang seringkali dipaparkan oleh media Barat terhadap dunia Islam.

## Rujukan

- Abdulkader, D., Adiong, N. & Mauriello, R. (Eds.) (2016). *Islam and International Relations: Contribution to Theory and Practice*. Springer.
- Al-Ahsan, A. (2004). Conflict among Muslim nations: role of the OIC in conflict resolution. *Intellectual Discourse*, 12(2).
- Boutros-Ghali, B. (1992). 'An agenda for peace: Preventive diplomacy, peacemaking and peacekeeping'. *International relations*, Vol. 11, No. 3, pp. 201-218.
- Di Marco, M. (2001). 'Il salvataggio dell'esercito serbo-montenegrino nella Grande Guerra: l'impegno logistico della Marina Militare e delle Capitanerie di Porto (inverno 1915/16)', Unpublished dissertation, Laurea in History, University of Pisa.
- Far, Marziy-E Mousawi. 1997. 'The Principle of Nafye Sabil and Membership in International Organisations'. *Journal of Foreign Policy*, Winter Tehran

---

<sup>18</sup> Sharqieh, I. (2012). Can the Organization of Islamic Cooperation (OIC) resolve conflicts?. *Peace and Conflict Studies*, 19(2), 219-236

- Fuller, F. E. & Lesser, I. O. (1995). *A Sense of Siege" The Geopolitics of Islam and the West*. Boulder: Westview Press/A RAND Study.
- Goulding, M. (1993). 'The evolution of United Nations peacekeeping', *International Affairs*, Vol. 69, No. 3, pp. 451-464.
- IPI (2021). International Peace Institute. (<https://www.ipinst.org/providing-for-peacekeeping-database>).
- James, A. (1999). 'The peacekeeping role of the League of Nations', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 1, pp. 154-160.
- Lia, B. (1998). 'Islamist perceptions of the United Nations and its peacekeeping missions: Some preliminary findings Islamist perceptions of the United Nations and its peacekeeping missions: Some preliminary findings', *International Peacekeeping*, Vol.5, Issue 2, pp. 38-63.
- O'Neill, J.T. & Rees, N. (2005). *United Nations Peacekeeping in the Post-Cold War Era*. London/New York: Routledge.
- OIC (2021). Organization of Islamic Cooperation. <https://www.oic-oci.org/states/?lan=en>
- Schmidl, E.R. (2000). 'The evolution of peace operations from the nineteenth century', in Erwin R. Schmidl (ed.), *Peace Operations between War and Peace*. London/Portland,OR: Frank Cass
- Schmidl, E.R. (1999). 'The international operation in Albania, 1913-1914', *International Peacekeeping*, Vol. 6, No. 3, Autumn, pp. 1-10.
- Simbar, R. (2008). The changing role of Islam in international relations. *Journal of International and Area Studies*, 55-68.
- Sharqieh, I. (2012). Can the Organization of Islamic Cooperation (OIC) resolve conflicts?. *Peace and Conflict Studies*, 19(2), 219-236.
- SIPRI (2021). Stockholm International Peace Research Institute. <https://sipri.org/databases/pko>
- Theobald, A.G. (2015). The United Nations Truce Supervision Organization (UNTSO). In *The Oxford Handbook of United Nations Peacekeeping Operations*.
- UN DPKO (2021). United Nations Peacekeeping. United Nations Department of Peacekeeping Operations (<https://peacekeeping.un.org/en/data>)